

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1994/95

April 1995

HFA 101 Pengantar Falsafah

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI SEMBILAN [9] SOALAN DI
DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan. Anda MESTI menjawab sekurang-kurangnya SATU [1] soalan daripada SETIAP Bahagian A, B dan C dan SATU [1] lagi soalan daripada mana-mana Bahagian.

Setiap Bahagian mestilah diikat berasingan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. "Terdapat hanya dua cara untuk mendapat ilmu, iaitu melalui pancaindera atau melalui penaakulan. Tetapi ilmu (pengetahuan) ialah sesuatu yang kekal dan abadi, dan melalui pancaindera kita hanya mendapat maklumat tentang benda-benda dan makhluk hidup individu yang tidak kekal atau abadi. Oleh yang demikian pancaindera tidak boleh merupakan asas pengetahuan, dan hanya penaakulan boleh merupakan sumber ilmu dan pengetahuan manusia."
Bincangkan.
2. "Sesuatu perbuatan hanya boleh dianggap sebagai perbuatan yang baik daripada segi moral jika [i] perbuatan yang dilakukan itu adalah betul, [ii] penaakulan orang yang melakukan perbuatan tersebut adalah betul, dan [iii] perasaan atau emosi orang yang melakukan perbuatan itu juga betul."
Bincangkan.
3. Apakah masalah-masalah yang terdapat dalam teori Bentuk-Bentuk Plato? Bolehkah kita mempertahankan teori metafisika Plato daripada masalah-masalah ini?

BAHAGIAN B

4. Ahli falsafah India, Sankara menerima enam [6] sumber ilmu. Bincang dan analisiskan keenam-enam sumber ilmu tersebut.
5. Mengikut Buddha, apakah yang menghalang manusia dari mengecapi Nirvana?
6. "Dalam pemikiran falsafah India, agama dan falsafah saling kait-mengait." Bincangkan pernyataan di atas dan beri contoh-contoh tertentu untuk pandangan anda.

BAHAGIAN C

7. Mengikut perspektif falsafah Islam, apakah yang difahami dengan konsep epistemologi? Jelas dan bincangkan secara kritis konsep tersebut dengan menghuraikan juga aspek ontologi dan aksiologi.
8. "Individu yang berilmu itu adalah juga individu yang beradab". Berdasarkan pandangan Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas, huraikan pernyataan di atas.
9. Klasifikasi dan pemeringkatan ilmu dalam epistemologi Islam adalah satu konsep yang disepakati oleh kebanyakan para sarjana Muslim. Dengan mengambil pendekatan al-Ghazali dan al-Shirazi, bincangkan dua konsep di atas.

-oooOOOooo-